



UMP (Timur) Kuantan 25/9/08 ms30

UMP buka kaunter pungutan zakat fitrah

KUANTAN Universiti Malaysia Pahang (UMP) membuka dua kaunter pungutan zakat fitrah bagi kemudahan kakitangan, tenaga pengajar dan pelajar menunaikan ibadat itu di universiti tersebut.

Pegawai Perhubungan Awam dan Media UMP, Nadzariah Mohamed berkata, dua kaunter tersebut ialah di Kompleks Pentadbiran Utama dan Masjid UMP.

Menurut beliau, kaunter pungutan zakat di Kompleks Pentadbiran Utama dibuka selama dua jam bermula pukul 9 pagi setiap hari.

"Kaunter pungutan zakat ini akan bergerak dari satu tempat ke satu tempat dan telah bermula sejak Isnin lalu," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Nadzariah berkata, kaunter pungutan zakat di Masjid UMP dibuka setiap hari bermula pukul 12.30 tengah hari hingga pukul 2.30 petang.

Menurut beliau, penubuhan kaunter pungutan zakat itu dilaksanakan oleh Pusat Islam dan Pembangunan Insan UMP dengan kerjasama Pejabat Zakat Negeri Pahang.

Katanya, penubuhan kaunter pungutan zakat itu juga bertujuan mengelakkan warga UMP beragama Islam lupa menunaikan tanggungjawab mereka membayar zakat fitrah.

"Ia juga dapat membantu mereka supaya lebih berdisiplin dalam soal pembayaran zakat masing-masing," katanya.

Sementara itu, Nadzariah berkata, Naib Canselor UMP, Prof. Datuk Dr. Daing Nasir Ibrahim mendahului kakitangan universiti itu membayar zakat fitrah di Kompleks Pentadbiran Utama pada pukul 9 pagi ini.

Menurutnya, pembayaran zakat fitrah itu dibuat kepada amil yang dilantik, Md. Abdu Sahak.